

PENGURUSAN HARTA PUSAKA

13 JANUARI 2023 | 20 JAMADILAKHIR 1444 H

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ

سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يُضِلِّهِ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا

عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ

وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ،

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ أُوْصِيَكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa-Ta'ala dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati Allah Subhanahu wa-Ta'ala di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah *Subhanahu wa Taala*

Firman Allah Subhanahu wa Taala dalam surah An-Nisa, ayat 29:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ إِلَّا أَنْ تَكُونَ تِجَارَةً عَن تَرَاضٍ مِّنْكُمْ وَلَا تَقْتُلُوا أَنْفُسَكُمْ إِنَّ اللَّهَ كَانَ بِكُمْ رَحِيمًا ﴿٢٩﴾

Yang bermaksud: "Wahai orang yang beriman, janganlah kamu saling memakan (menggunakan) harta sesama kamu dengan cara yang salah (tipu, judi dan sebagainya), kecuali melalui perniagaan yang dilakukan atas dasar reda meredai (suka sama suka) antara kamu. Dan janganlah kamu membunuh diri kamu sesama sendiri! Sesungguhnya Allah sentiasa Mengasihani kamu."

Apabila seseorang itu meninggal dunia, segala harta benda yang dimiliki semasa hidup di dunia ini pasti tidak akan dibawa bersama. Biar pun hartanya melimpah ruah sekalipun, ia tetap akan ditinggalkan. Semua itu akan menjadi harta pusaka kepada waris-warisan yang berhak terhadap harta tersebut. Harta pusaka ialah harta peninggalan si mati yang mempunyai nilai, sama ada harta tak alih seperti rumah dan tanah, atau harta alih iaitu wang ringgit, saham, barang kemas, polisi insurans, dividen yang terbit daripada hartanya, dan sebagainya yang ditinggalkan setelah kematiannya.

Islam mengajar kita cara menguruskan harta pusaka dengan baik dan betul, namun sesetengah umat Islam masih sukar memahami dan melaksanakannya. Ilmu pengurusan harta pusaka disebut sebagai ilmu faraid yang mesti difahami serta

mengetahui cara-cara dan prosedur permohonan pembahagian harta pusaka mengikut syarak dan perundangan yang ada di Malaysia. Kelewatan dalam mengurus pembahagian harta pusaka menyebabkan waris-waris tidak mengetahui kedudukan hak harta pusaka mereka sebagai ahli waris yang betul kepada si mati.

Adalah menjadi tanggungjawab waris untuk memastikan harta peninggalan si mati dapat difaraidkan dan diagihkan pembahagian mereka mengikut hukum syarak, setelah terlebih dahulu menyelesaikan segala hutang-piutang dan wasiat si mati yang wajib disegerakan. Kita wajib menjaga harta pusaka kerana ia termasuk dalam maqasid syar'iiyyah iaitu menjaga harta setiap individu supaya terpelihara.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah *Subhanahu wa Taala*

Di negeri kita, pengurusan harta pusaka bermula dengan mendapatkan Sijil Faraid daripada Mahkamah Syariah bagi pengesahan pembahagian kepada waris-waris yang berhak menerima harta pusaka mengikut hukum syarak, sebelum di bawa ke Bahagian Pembahagian Pusaka Kecil Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan untuk urusan seterusnya.

Kelewatan menyelesaikan pengagihan harta pusaka selepas berlakunya kematian akan mengakibatkan harta menjadi beku dan terbiar serta kesukaran dalam pembahagian harta kepada waris-waris yang berhak mengikut faraid yang boleh menyebabkan harta tersebut dibahagikan secara batil.

Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hadis riwayat Ibnu Majah, Al-Hakim dan Al-Baihaqi:

Yang bermaksud: “pelajarilah ilmu faraid, kerana ia termasuk bahagian dari agamamu dan setengah dari ilmu. Ilmu ini adalah yang pertama kali akan dicabut dari umatku.”

Mengakhiri khutbah, marilah kita membahagikan harta si mati mengikut ilmu faraid bukan dengan kaedah yang lain yang bercanggah dengan syarak supaya hidup kita diberkati dan diredai Allah Subhanahu wa-Ta’ala.

Firman Allah Subhanahu wa-Ta’ala dalam surah al-Baqarah ayat 188:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَلَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ وَتُدْلُوا بِهَا إِلَى الْحُكَّامِ لِتَأْكُلُوا فَرِيقًا مِّنْ أَمْوَالِ النَّاسِ بِالْإِثْمِ

وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿١٨٨﴾

Yang Bermaksud: “Dan janganlah kamu makan (atau mengambil) harta (orang-orang lain) di antara kamu dengan jalan yang salah, dan jangan pula kamu menghulurkan harta kamu (memberi rasuah) kepada hakim-hakim kerana hendak memakan (atau mengambil) sebahagian dari harta manusia dengan (berbuat) dosa, padahal kamu mengetahui (salahnya).”

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ

قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ
وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.